

UNISSA terima kunjungan

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Julai - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini, telah menerima kunjungan daripada pelajar Princess Of Naradhiwas University (PNU), Thailand.


Kunjungan seramai 50 orang itu merupakan kesinambungan jalinan strategik setelah termetterai penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) antara UNISSA dan PNU pada 28 Mac 2017.

Antara tujuan kunjungan pelajar PNU tersebut adalah untuk memberi pendedahan terhadap kursus-kursus

akademik yang ditawarkan di UNISSA.

Antara pengisian yang disampaikan dalam sesi taklimat tersebut ialah pembentangan daripada pensyarah Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban dan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam.

Sehari sebelum kunjungan pelajar PNU ke UNISSA, Presiden PNU, Penolong Profesor Dr Rossukon Sangmanee bersama delegasi telah pun membuat perjumpaan dengan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.



Rektor UNISSA dan Presiden PNU, Thailand ketika pertukaran cenderahati.

Perjumpaan tersebut adalah bagi membincangkan kerjasama strategik yang akan dilaksanakan antara kedua buah universiti.

UNISSA dan PNU dalam pada

itu juga turut menawarkan kursus di universiti masing-masing, di mana UNISSA menawarkan pelajar PNU untuk mengikuti kursus Bahasa Arab, Perundangan Islam, Perbankan

dan sebagainya.

Manakala PNU pula menawarkan sumbangan khidmat program agrikultur untuk mengembangkan lagi ruang kerjasama di antara kedua buah universiti.

Bantu pelajar OKU yang memerlukan

Oleh Zulkamal Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Julai - Melakukan amal jariah dan menyumbangkan sesuatu yang diperlukan kepada masyarakat dan individu adalah sesuatu yang dituntut oleh agama Islam, apakah lagi dengan niat yang ikhlas untuk melipat gandakan amalan individu tersebut.

Justeru itu, baru-baru ini telah diadakan Majlis Penyerahan Wakaf Kerusi Roda untuk keperluan dan kegunaan pelajar-pelajar orang kelainan upaya (OKU) yang diadakan di Bangunan Permata Hati, Sekolah Rendah Rimba II.

Wakaf kerusi roda tersebut diserahkan sendiri oleh Haji Mohd Sukaimi bin Haji Abdul Rashid dan Haji Abdul Rashid bin Bolaji kepada Penolong Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Marlia binti Haji Mohd

Said.

Menurut Dayang Marlia ketika ditemu bual oleh *Media Permata*, dengan adanya kerusi roda ini, ia diharapkan dapat memudahkan lagi pergerakan pelajar-pelajar istimewa untuk mengikuti pembelajaran mereka.

"Kami sentiasa mengalau-alaukan sumbangan yang diterima dari masyarakat, bukan sahaja dari pihak kerajaan malahan juga pihak swasta sama ada ia berbentuk permainan seperti pasir, kerusi roda, alat-alat bantu pembelajaran dan sebagainya, bagi tujuan untuk memudahkan dan membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk mengikuti dan memahami pembelajaran mereka dengan mudah dan senang," jelasnya.

Manakala, Haji Mohd Sukaimi ketika ditemu bual



Dayang Marlia, Haji Mohd Sukaimi dan Haji Abdul Rashid bergambar ramai bersama guru-guru dan pelajar-pelajar istimewa di Bangunan Permata Hati, Sekolah Rendah Rimba II, baru-baru ini.

Media Permata menjelaskan hajat isteri beliau yang telah meninggal dunia, Allayarhamah Dayang Sarina binti Haji

menyampaikan hajat isteri beliau yang telah meninggal dunia, Allayarhamah Dayang Sarina binti Haji

Metussin untuk mewakafkan kerusi roda itu kepada mereka yang memerlukan.

Muslimah Medan kunjungi Daerah Belait

Oleh Normazlina M.D

KUALA BELAIT, 16 Julai - Bagi mendekati dan mengenali Daerah Belait lebih mendalam, satu rombongan Muslimah dari Medan, Republik Indonesia telah mengadakan lawatan ke Daerah Belait.

Rombongan yang diketuai oleh Hajah Salmiah dengan iringi bersama Pegawai Pusat Dakwah Islamiah, Dr Andus Haji Ismuadi bin Haji Abdullah itu dialukan oleh Pengurus Kumpulan Sebriah, Hajah Sebriah binti Haji Su dan Pengurus Kumpulan Emulin, Haji Shadoon.

Dengan mengadakan lawatan selama seminggu, sebelum ini rombongan tersebut memulakan lawatan di beberapa kawasan menarik di Bandar Seri Begawan dan di Daerah Tutong.

Semasa rombongan berada di Kuala Belait, para Muslimah tersebut telah berkunjung ke Rosli Cafe Kuala Belait sambil



Rombongan Muslimah Medan bergambar ramai bersama Kumpulan Sebriah dan Kumpulan Emulin semasa mengadakan lawatan di Kuala Belait.

dialukan oleh Kumpulan Sebriah dan Kumpulan Emulin. Mereka kemudiannya bertukar

tukar pandangan mengenai Kuala Belait dan Negara Brunei Darussalam.

Para Muslimah juga berkesempatan menuaikan sembahyang berjemaah di Masjid Kampung

Pandan dan seterusnya mengadakan lawatan sekitar Kuala Belait dan Pekan Seria.